

01/09/1997

TPM sangkal letak jawatan Menteri Kewangan

BUKIT MERTAJAM, Ahad - Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan khabar angin kononnya beliau akan meletakkan jawatan Menteri Kewangan sebagai satu lagi fitnah bermotifkan politik jahat terhadapnya.

"Ini adalah satu lagi usaha fitnah untuk menimbulkan prasangka yang bermotifkan politik jahat," katanya sambil menjelaskan, semalam beliau berbincang dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, beliau memang selalu berbincang dengan Perdana Menteri mengenai pelbagai isu termasuk ekonomi dan kewangan, sama ada secara peribadi atau dalam mesyuarat Kabinet.

"Kerana di akhir-akhir ini serangan ke atas pasaran kewangan di rantau ini semakin serius, tentulah Perdana Menteri memberikan tumpuan lebih terhadap isu kewangan dan ekonomi.

"Saya tidak nampak kenapa pembabitan Dr Mahathir dalam urusan kewangan dan ekonomi harus dijadikan isu.

"Sebagai Perdana Menteri, itu adalah hak beliau," katanya selepas kenduri kahwin di Kampung Sama Gagah di sini, hari ini.

Timbalan Perdana Menteri diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir semalam yang menolak khabar angin kononnya beliau akan meletakkan jawatan Menteri Kewangan berikutan krisis mata wang dan kejatuhan pasaran saham.

Sambil menganggap penyebar khabar angin itu sebagai tidak bertanggungjawab dan 'patut ditembak', Perdana Menteri berkata Anwar akan terus memegang jawatan itu dan melakukan sedaya upaya bagi menangani masalah berkenaan.

Perdana Menteri yang tiga hari lalu mengumumkan beberapa langkah untuk menguatkan pasaran saham tempatan dan menahan kejatuhan nilai ringgit, juga berkata beliau tidak bercadang mengambil alih Kementerian Kewangan.

(END)